



PERSEKITARAN OPERASI

Tahun 2011 terus mencabar ekonomi Malaysia memandangkan wujudnya kelemahan struktur dan isu fiskal yang berlarutan di negara-negara maju, iaitu Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah. Dalam pada itu, ekonomi yang sedang membangun di Asia menghadapi cabaran yang semakin besar daripada aliran modal tidak stabil dan tekanan inflasi yang meningkat. Dalam persekitaran ini, ekonomi Malaysia terus berkembang mantap dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") 5.1% pada 2011 (2010: 7.2%), dipacu oleh permintaan domestik yang kukuh.

Pada 2011, pengendali insurans hayat dan takaful keluarga masing-masing mencatatkan pertumbuhan pendapatan premium lebih sederhana sebanyak 4.6% (2010: 10.0%) dan sumbangan bersih 9.2% (2010: 24.7%). Pertumbuhan pendapatan premium/sumbangan pada 2011, walaupun lebih rendah, didorong terutamanya oleh permintaan domestik yang mantap bagi produk pelaburan dan perlindungan. Jumlah premium/sumbangan perniagaan baru bagi perniagaan takaful hayat dan keluarga merosot 2.7% kepada RM10.9 bilion (2010: RM11.2 bilion), terutamanya kerana kurang pelancaran produk endowment baru. Namun begitu, premium daripada produk berkaitan pelaburan, insurans perubatan dan kesihatan terus berkembang, masing-masing mencatatkan pertumbuhan 5.5% dan 23.6%. Jumlah premium/sumbangan langsung kasar tergabung bagi pengendali insurans am dan takaful am meningkat 9.2% (2010: 10.2%) kepada RM15.4 bilion (2010: RM14.1 bilion), yang diperolehi terutamanya daripada perniagaan marin, penerbangan dan transit dan motor komprehensif.

ULASAN PRESTASI

Seperti yang didedahkan pada bahagian seterusnya, Maklumat Terkini Tentang Cadangan Korporat Terbaru, Kumpulan telah menyempurnakan pelupusan anak syarikatnya, Malaysian Assurance Alliance Berhad ("MAA Assurance") dan anak syarikat lain yang dikenal pasti kepada Zurich Insurance Company Limited ("Zurich") pada 30 September 2011. MAA Assurance dan anak syarikat yang dikenal pasti ini telah diklasifikasikan sebagai operasi dihentikan dalam penyata kewangan bagi mematuhi piawaian perakaunan diluluskan yang berkuat kuasa. Disebabkan oleh pelupusan tersebut, hanya keputusan sembilan (9) bulan berakhir 30 September 2011 MAA Assurance dan anak syarikat lain yang dikenal pasti telah dimasukkan dalam akaun kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011.

Hasil Operasi

Bagi tahun yang dilaporkan, jumlah hasil operasi Kumpulan merosot 23.8% kepada RM1,726.1 juta (2010: RM2,264.0 juta), dengan operasi berterusan mencatatkan peningkatan 3.7% kepada RM460.1 juta (2010: RM443.7 juta) dan operasi dihentikan mencatatkan penurunan 30.5% kepada RM1,266.0 juta (2010: RM1,820.3 juta).

Dalam perniagaan insurans konvensional, premium langsung kasar bahagian Insurans Hayat berkurangan sebanyak 31.4% kepada RM697.2 juta (2010: RM1,017 juta), di mana operasi berterusan dan operasi dihentikan masing-masing melaporkan kemerosotan 24.6% kepada RM15.9 juta (2010: RM21.1 juta) dan 31.6% kepada RM681.3 juta (2010: RM995.9 juta). Bahagian Insurans Am mencatatkan penurunan jumlah premium diraih kasar 30.8% kepada RM421.0 juta (2010: RM608.3 juta), di mana operasi berterusan dan operasi dihentikan masing-masing melaporkan kemerosotan 14.4% kepada RM74.1 juta (2010: RM86.6 juta) dan 33.5% kepada RM346.9 juta (2010: RM521.7 juta).

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)



Bagi Bahagian Takaful, Dana Takaful Keluarga dan juga Dana Takaful Am meneruskan momentum perkembangan kukuh untuk mencatatkan sumbangan diraih kasar lebih tinggi, masing-masing berjumlah RM163.8 juta (2010: RM157.4 juta) dan RM124.5 juta (2010: RM99.5 juta) pada 2011.

Bahagian Pengurusan Dana Unit Amanah Kumpulan mencatatkan keputusan yang setanding dan melaporkan kenaikan 19.0% dalam hasil operasi kepada RM40.1 juta (2010: RM33.7 juta).

Keuntungan Sebelum Cukai

Kumpulan kami mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai lebih tinggi berjumlah RM154.9 juta bagi tahun semasa yang dilaporkan (2010: RM36.9 juta).

Dalam perniagaan insurans konvensional, Bahagian Insurans Am mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai berjumlah RM61.6 juta (2010: RM69.9 juta), di mana operasi berterusan meraih Keuntungan Sebelum Cukai RM0.8 juta (2010: RM14.4 juta) manakala operasi dihentikan mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai RM60.8 juta (2010: RM55.5 juta). Keuntungan lebih rendah dalam operasi berterusan disebabkan terutamanya kerana komutasi treati insurans semula am anak syarikat insurans luar pesisir Labuan pada Julai 2011. Keuntungan lebih tinggi yang dicatatkan oleh operasi dihentikan disebabkan terutamanya nisbah tuntutan bersih yang lebih rendah pada 59.1% (tahun penuh 2010: 65.3%). Bahagian Insurans Hayat mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai RM42.9 juta (2010: Kerugian Sebelum Cukai RM7.1 juta) terutamanya daripada anak syarikat insurans luar pesisir Labuan yang timbul daripada pelepasan penuh liabiliti kontrak insurans berjumlah RM48.3 juta berikutan komutasi treati insurans semula hayat dalam tempoh yang dilaporkan. Tiada pemindahan lebihan dibuat daripada Dana Insurans Hayat MAA Assurance kerana ia telah dilupuskan pada 30 September 2011.

Di bawah Bahagian Takaful, Dana Takaful Keluarga mencatatkan Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai berjumlah RM6.4 juta (2010: RM3.4 juta). Pada tahun yang dilaporkan, Bahagian Takaful Am telah memulihkan prestasi daripada mencatatkan Kerugian Sebelum Zakat dan Cukai berjumlah RM5.8 juta pada 2010 kepada Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai berjumlah RM6.8 juta.

Dana Pemegang Saham Kumpulan mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai RM44.0 juta, lebih tinggi daripada Kerugian Sebelum Cukai RM29.3 juta yang diumumkan bagi 2010. Keuntungan ini termasuk keuntungan pelupusan berjumlah RM83.2 juta, selepas menolak perbelanjaan jualan ("Keuntungan Pelupusan"), daripada jualan MAA Assurance dan anak syarikat lain yang dikenal pasti, iaitu Malaysian Alliance Property Services Sdn Bhd, Multioto Services Sdn Bhd, Maagnet Systems Sdn Bhd dan Maagnet-SSMS Sdn Bhd ("Anak Syarikat yang Dilupuskan") pada 30 September 2011 kepada Zurich.

Pada 31 Disember 2011, aset Kumpulan berjumlah RM1.1 bilion, iaitu lebih rendah berbanding RM8.6 bilion pada 2010 disebabkan terutamanya penjualan Anak Syarikat yang Dilupuskan. Dengan pelupusan ini, Pendapatan Sesaham (EPS) Kumpulan telah meningkat 41.3 sen bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 (2010: 9.0 sen).

ULASAN OPERASI PERNIAGAAN

Bagi tahun yang dilaporkan, Kumpulan mengendalikan lima (5) segmen operasi, iaitu:

- Operasi Insurans Hayat Malaysia;
- Operasi Insurans Am Malaysia;
- Operasi Insurans Takaful Malaysia;
- Operasi Unit Amanah Malaysia; dan
- Operasi Insurans Antarabangsa & Unit Amanah

Butir-butir prestasinya dibincangkan secara berasingan dalam halaman yang dilampirkan.



PELABURAN

Pada tahun yang dilaporkan, jumlah pendapatan pelaburan bersih Kumpulan, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan mencecah RM305.4 juta (2010: RM548.0 juta). Operasi berterusan mencatatkan pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan berjumlah RM14.6 juta (2010: RM29.1 juta). Operasi dihentikan pula mencatatkan pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan berjumlah RM290.8 juta (2010: RM518.9 juta). Jumlah pendapatan pelaburan bersih, keuntungan atau kerugian daripada realisasi pelaburan dan perubahan nilai saksama portfolio pelaburan bagi operasi dihentikan adalah lebih rendah terutamanya kerana penggabungan hanya keputusan sembilan (9) bulan Anak Syarikat Yang Dilupuskan dalam tahun yang dilaporkan berikutan selesainya pelupusan pada 30 September 2011.

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Kumpulan telah menjajarkan semula strategi pelaburan untuk mengimbangi semula portfolio pelaburan antara portfolio ekuiti, instrumen sekuriti pendapatan tetap risiko rendah dan bon korporat gred pelaburan dalam industri terpilih, dengan matlamat melindungi modal dan mengurangkan risiko pelaburan. Pada masa depan, Kumpulan akan terus meninjau dan menyusun semula strategi pelaburan dan campuran portfolio pelaburan memandangkan perubahan dalam persekitaran pelaburan untuk memastikan ia dapat mencapai manfaat perlindungan modal, keuntungan dan aliran pendapatan konsisten bagi memenuhi komitmen kepada pelanggan.

DIVIDEN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2011, Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen, memandangkan penerimaan tertunda baki hasil jualan berjumlah RM94.1 juta (selepas menolak bayaran balik hutang, penebusan nota jangka pertengahan dan pembayaran balik yuran penyusunan semula pinjaman berjumlah RM180.2 juta dan jumlah pegangan RM69.7 juta selepas pelaksanaan dan penunaian syarat tertentu yang telah ditetapkan) untuk tempoh dua (2) tahun dari tarikh selesainya jualan Anak Syarikat yang Dilupuskan pada 30 September 2011.

Baki hasil jualan dimasukkan ke dalam akaun eskrow dengan pembayaran progresif sebanyak RM3.0 juta dibuat setiap suku tahun mengikut syarat Perjanjian Eskrow. Pembayaran tersebut, yang dibayar dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh selesainya jualan Anak Syarikat yang Dilupuskan, akan digunakan untuk membiayai operasi harian Kumpulan.

MAKLUMAT TERKINI TENTANG CADANGAN KORPORAT TERBARU

Kumpulan dengan sukacitanya menyampaikan maklumat terkini berikut:

- (a) Pada 30 September 2011, Hwang DBS Investment Bank Berhad ("Hwang DBS"), Penasihat Utama bagi pihak Lembaga Pengarah ("Lembaga") Syarikat, mengumumkan penyempurnaan pelupusan seluruh kepentingan ekuiti Syarikat dalam Malaysian Assurance Alliance Berhad ("MAA Assurance") dan anak syarikat lain yang dikenal pasti, iaitu Multioto Services Sdn Bhd, Maagnet Systems Sdn Bhd, Malaysian Alliance Property Services Sdn Bhd dan Maagnet-SSMS Sdn Bhd (secara bersama dikenali sebagai "Anak Syarikat yang Dilupuskan") yang dipegang olehnya kepada Zurich Insurance Company Ltd ("Zurich").

Di bawah Perjanjian Jual Beli ("SPA"), terdapat pelarasan kepada pertimbangan jualan berjumlah RM344 juta, yang bersamaan dengan perbezaan antara nilai aset bersih agregat Anak Syarikat yang Dilupuskan pada 30 September 2010 dan nilai aset bersih agregat akhir pada 30 September 2011 ("Pelarasan kepada Pertimbangan"). Pelarasan kepada Pertimbangan hendaklah dimuktamadkan dalam masa seratus dua puluh hari (120) hari selepas penyempurnaan jualan Anak Syarikat yang Dilupuskan, melainkan timbul pertikaian, yang perlu diselesaikan menurut terma dan syarat yang terkandung dalam SPA. Syarat pelarasan kepada Pertimbangan telah dinyatakan dengan sewajarnya dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 29 Ogos 2011.

Pada 30 Disember 2011, berasaskan akaun penyelesaian draf dan penyata nilai aset agregat Anak Syarikat yang Dilupuskan yang diterima daripada Zurich, terdapat pelarasan ke atas sebanyak RM86.0 juta kepada pertimbangan jualan berjumlah RM344 juta. Pelarasan ke atas sebanyak RM86.0 juta ini adalah bersamaan perbezaan antara nilai aset bersih agregat Anak Syarikat yang Dilupuskan pada 30 September 2010 dan nilai aset bersih agregat akhir pada 30 September 2011 yang disediakan oleh Zurich di seperti yang diperuntukkan menurut terma dan syarat SPA.

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)



Pada 17 Februari 2012, Syarikat telah mengemukakan pemberitahuan pertikaian (“Pemberitahuan Pertikaian”) kepada Zurich kerana tidak bersetuju dengan pelarasan ke bawah tertentu yang dibuat kepada akaun penyelesaian draf dan penyata nilai aset bersih agregat Anak Syarikat yang Dilupuskan. Sekiranya terdapat pelarasan positif kepada akaun penyelesaian draf dan penyata aset bersih agregat Anak Syarikat yang Dilupuskan yang timbul daripada Pemberitahuan Pertikaian, pelarasan ke atas selanjutnya akan dibuat kepada pertimbangan jualan sebagai tambahan kepada RM86.0 juta yang dinyatakan.

- (b) Pada 30 September 2011, Syarikat mengumumkan bahawa ia telah menjadi penerbit saham tersenarai yang terjejas menurut Nota Amalan 17 (“PN17”) Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad (“Bursa Malaysia”), di mana penerbit saham tersenarai telah menggantung atau menamatkan perniagaan utamanya, iaitu dalam keadaan ini, pelupusan MAA Assurance.

Namun begitu, Syarikat tidak mencetus mana-mana kriteria lain yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian PN17, seperti ekuiti pemegang saham tergabung yang mencecah paras 25% atau lebih rendah daripada modal saham terbitan dan berbayar, kegagalan Kumpulan membuat pembayaran, pendapat buruk atau penafian oleh juruaudit terhadap akaun teraudit terbaru Syarikat dll.

Sebagai penerbit saham yang terjejas, di bawah Perenggan 4.1 Keperluan Penyenaraian PN17, Syarikat perlu mengumumkan butiran penyusunan semula.

Pada 31 Oktober 2011, 30 November 2011, 30 Disember 2011, 2 Februari 2012, 1 Mac 2012, 2 April 2012 dan 2 Mei 2012 Syarikat mengumumkan bahawa ia masih dalam proses merumuskan rancangan penyusunan semula kedudukan kewangan (“Rancangan Penyusunan Semula”) dan pengumuman akan dibuat apabila Rancangan Penyusunan Semula dimuktamadkan. Pada 10 Februari 2012, Syarikat menjelaskan selanjutnya bahawa mereka berhasrat untuk melaksanakan dan merumuskan rancangan penyusunan semula sendiri yang tidak akan menyebabkan perubahan ketara dari segi hala tuju atau dasar Kumpulan. Kumpulan mempunyai kira-kira lima (5) bulan lagi untuk mengemukakan Rancangan Penyusunan Semula kepada Bursa Malaysia untuk kelulusan.

- (c) Pada 5 Oktober 2011, Syarikat telah menukar namanya kepada “MAA Group Berhad”.
- (d) Pada 27 Februari 2012, Syarikat mengumumkan bahawa Syarikat dan MAA International Assurance Ltd (“MAAIA”), anak syarikat milik penuh MAA Corporation Sdn Bhd (“MAA Corp”), yang seterusnya merupakan anak syarikat milik penuh Syarikat, telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat (“SPA”) dengan Tokio Marine Holdings, Inc (“TM”), bagi pelupusan 43.3% daripada modal saham diperbesarkan dalam PT MAA Life Assurance (“PT MAAL”) untuk pertimbangan jualan IDR27.4 billion (kira-kira RM9.1 juta) yang dinilai atas dasar “persetujuan antara pembeli-penjual” dan selepas mengambil kira aset bersih belum diaudit PT MAAL berjumlah IDR5.1 billion (kira-kira RM1.7 juta) pada 31 Disember 2011 (“Cadangan Pelupusan PT MAAL”).

Pada tarikh yang sama, PT MAAL juga telah memeterai perjanjian langganan saham bersyarat (“SSA”) dengan TM bagi langganan 65.0 juta saham biasa dalam PT MAAL, yang mewakili kira-kira 36.7% daripada modal saham diperbesarkan dalam PT MAAL untuk pertimbangan keseluruhan IDR65.0 billion (kira-kira RM21.7 juta) atau IDR1,000 sesaham (“Cadangan Langganan”).

Pada 27 Mac 2012, Syarikat, MAAIA dan TM, memeterai Perjanjian Pembelian Saham Tambahan (“SPA Tambahan”) dan Perjanjian Langganan Saham Tambahan (“SSA Tambahan”) di mana semua pihak telah antara lain bersama-sama bersetuju untuk mengubah tarikh akhir kepada 5 April 2012 atau tarikh lain yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak yang berkenaan untuk memenuhi syarat tertentu yang perlu dilaksanakan bagi menyempurnakan Cadangan Pelupusan PT MAAL dan Cadangan Langganan.

Pada 9 April 2012, Syarikat mengumumkan bahawa MAAIA/PT MAAL telah menerima surat tawaran bertarikh 5 April 2012 daripada Kementerian Kewangan Indonesia bagi Cadangan Pelupusan PT MAAL.



- (e) Pada 4 Mei 2012, Syarikat mengumumkan bahawa MAA Corp telah memeterai perjanjian jual beli bersyarat (“SPA”) bagi pelupusan 100% kepentingan ekuiti dalam Wira Security Services Sdn Bhd (“Wira”) untuk pertimbangan tunai berjumlah RM7.0 juta, yang dipersetujui atas dasar ‘persetujuan antara pembeli-penjual’, yang bersamaan Nisbah Harga Pendapatan 7.3 kali berasaskan keuntungan mampan Wira. Pertimbangan tunai tersebut akan digunakan untuk modal kerja Kumpulan dan perbelanjaan yang berkaitan dengan pelupusan.

SPA ini antara lain tertakluk kepada syarat bahawa Wira mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia bagi pertukaran pengurus, pengarah dan/atau pemegang saham Wira dan urus niaga lain yang terkandung dalam perjanjian.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan sentiasa komited terhadap usaha menjadi warga korporat yang prihatin dan bertanggungjawab.

Untuk tujuan ini, Dana Kebajikan Buah Pinggang MAA MediCare (“MAA MediCare”) ditubuhkan pada 1994 sebagai sebahagian daripada Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan untuk meringankan beban pesakit buah pinggang dan keluarga mereka dengan membolehkan mereka mendapatkan kemudahan dialisis dan penjagaan kesihatan berkualiti yang termampu, pada kos rawatan yang tersubsidi. Setakat ini, Kumpulan telah meluaskan rangkaian kepada dua belas (12) pusat dialisis buah pinggang yang terletak di seluruh negara untuk memenuhi keperluan semakin ramai pesakit baru bagi perkhidmatan perubatan tersubsidi tersebut. Dalam tempoh dua dekad lepas, MAA MediCare telah berkembang pesat untuk menjadi penyedia perkhidmatan dialisis kedua terbesar di Malaysia, yang berkhidmat kepada lebih 748 pesakit di seluruh negara.

Kumpulan juga memainkan peranan aktif dalam usaha menyokong Yayasan Kebajikan Budimas (“Budimas”) untuk mencapai matlamat menyediakan khidmat kebajikan kepada kanak-kanak kurang bernasib baik dan golongan miskin. Dengan 700 kanak-kanak kurang bernasib baik di bawah jagaannya, di samping memberikan sarapan kepada 3,000 murid sekolah miskin di kawasan luar bandar di seluruh negara, Budimas dan Kumpulan kami memainkan peranan aktif menjaga kebajikan kanak-kanak kurang bernasib baik di Malaysia.

Akhir sekali, Kumpulan akan terus memperuntukkan sumber untuk mencapai matlamat kegiatan amal seperti ini pada tahun-tahun akan datang untuk memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya.

Butir-butir Tanggungjawab Sosial Korporat dibincangkan secara berasingan di halaman yang dilampirkan.

PEMBANGUNAN INDUSTRI

Bagi insurans konvensional, Bank Negara Malaysia (“BNM”) telah membuat perubahan kepada Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (“Rangka Kerja RBC”) pada 2011 bagi menyatukan peraturan penilaian yang menentukan modal kawal selia dengan Piawaian Laporan Kewangan.

Dalam pada itu, BNM juga memperkenalkan rangka kerja modal berasaskan risiko baru yang dicadangkan bagi pengendali takaful atas dasar rundingan pada 2011. Rangka kerja modal berasaskan risiko yang dicadangkan ini, yang mempunyai objektif yang teliti dan mematuhi prinsip Syariah, kini sedang dimuktamadkan sebelum dilaksanakan, selepas mengambil kira maklum balas yang diterima daripada pengendali takaful dalam industri. Menyedari bahawa rangka kerja berasaskan risiko akhirnya akan dilaksanakan terhadap pengendali takaful, Operasi Insurans Takaful Malaysia Kumpulan, menerusi anak syarikat MAA Takaful Berhad (“MAAT”) telah bersedia lebih awal untuk menajarkan produk dan strategi pelaburannya, termasuk mengguna pakai prosedur dan sistem risiko kewangan yang teliti untuk meningkatkan dasar pengurusan risiko bagi memenuhi keperluan modal kawal selia apabila dilaksanakan.

PENYATA PENGERUSI

(bersambung)



Akhir sekali, BNM telah menyempurnakan penilaian menyeluruh terhadap undang-undang sedia ada yang berkuat kuasa ke atas institusi kewangan, pasaran dan sistem pembayaran di bawah bidang kuasanya. Usaha ini bertujuan menggabungkan dan menyelaraskan undang-undang kawal selia sedia ada untuk mewujudkan rangka kerja perundangan yang lebih bersepadu di mana dwirangka kerja akan disenggarakan bagi perniagaan kewangan konvensional dan Islam, sejajar dengan dwisistem kewangan di Malaysia. Undang-undang baru yang disyorkan akan menggantikan Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989, Akta Perbankan Islam 1983, Akta Insurans 1996, Akta Takaful 1984, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953. Bagi pengendali insurans dan takaful, BNM telah mencadangkan peraturan dan penyeliaan lebih teliti terhadap tingkah-laku perniagaan. Perubahan peraturan ini, apabila dilaksanakan, akan menukar dan menentukan cara pengendali insurans dan takaful menjalankan perniagaan mereka.

PROSPEK

Bagi 2012, BNM telah mengunjurkan pertumbuhan KDNK tempatan antara 4.0% hingga 5.0%, berasaskan permintaan domestik yang kukuh daripada pelaksanaan langkah fiskal proaktif Kerajaan yang diumumkan pada Belanjawan 2012 dan pertumbuhan global yang dijangka semakin sederhana. Namun begitu, Malaysia akan terus menghadapi tekanan inflasi yang kian meningkat dan risiko bahawa keadaan krisis hutang kerajaan Zon Euro bertambah buruk di samping pertumbuhan lebih perlahan di negara rakan dagangannya.

Kumpulan akan terus menghadapi persaingan sengit dalam operasinya memandangkan liberalisasi, penyatuan dan perubahan undang-undang selanjutnya yang dijangkakan daripada BNM dalam sektor perkhidmatan kewangan, khususnya untuk mencapai pulangan pelaburan yang secukupnya bagi melindungi modal, mengekalkan keuntungan dan memenuhi komitmen kepada pelanggan.

Selepas penjualan Anak Syarikat yang Dilupuskan, Kumpulan akan terus memberi tumpuan terhadap pembangunan perniagaan teras yang sedia ada, terutamanya perniagaan takaful dan unit amanah menerusi MAAT dan MAAKL Mutual Bhd ("MAAKL") dan memacu pertumbuhan perniagaan ini.

Mengenai status PN17 Syarikat, Lembaga Pengarah berhasrat untuk mengekalkan status penyenaian Syarikat seperti yang diumumkan sebelum ini. Untuk tujuan itu, Syarikat akan berusaha merumuskan rancangan penyusunan semula sendiri untuk menyusun semula kedudukan kewangannya yang tidak akan menimbulkan perubahan ketara dalam hala tuju atau dasar perniagaan Kumpulan.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Bagi Pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan dan kakitangan kerana komitmen, dedikasi dan sumbangan berterusan mereka untuk menjamin pertumbuhan dan kejayaan berterusan Kumpulan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kami kepada pelanggan, ejen, sekutu perniagaan dan pemegang saham kami yang dihargai atas sokongan berharga, keyakinan dan kepercayaan yang diletakkan terhadap kami.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah kerana panduan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

TUNKU DATO' YA'ACOB BIN TUNKU TAN SRI ABDULLAH

Pengerusi